

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 JULY 2017

Seiring hasrat Malaysia salah sebuah daripada 20 negara paling berjaya – Najib

# Martabatkan bahasa Melayu

UM - 27/7/2017 pg. 3

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA  
dan MOHD. NASARUDDIN MUSA  
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 26 JULAI

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berkata, bahasa Melayu akan dimartabatkan kedudukannya seiring dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai salah satu daripada 20 negara paling berjaya menjelang Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu melihat bahasa Melayu menjadi bahasa utama di rantau ASEAN dan sebagai salah satu bahasa pengantara utama di peringkat global.

“Penguasaan bahasa Melayu akan terus kita rancang supaya lebih tersusun dan inklusif di samping kita tidak akan melemahkan kedudukan bahasa Inggeris mahu pun bahasa-bahasa lain.

“Saya yakin bahasa Melayu boleh menjadi bahasa hubungan antarabangsa kerana kerajaan telah mengambil beberapa langkah begitu bermakna untuk memartabatkan bahasa Melayu itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah pertandingan akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini malam ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Najib berkata, seiring era revolusi perindustrian keempat dan ekonomi digital, masyarakat



**NAJIB TUN RAZAK dan Rosmah Mansor bersama pemenang-pemenang utama, Abdul Martin (empat dari kiri), Noor Haqim Noor Hamiddon (empat dari kanan) dan Lisa Shamazaki (tiga dari kanan) dalam pertandingan akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2017 di PICC, Putrajaya, malam tadi. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**



perlu mengambil inisiatif tertentu untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu tidak terpinggir.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, jelas beliau, bahasa Melayu sendiri dijadikan wahana atau medium untuk meny-

atukan rakyat meskipun terdiri daripada masyarakat majmuk.

“Sebagai anak watan sudah tentu bila kita hidup dalam masyarakat majmuk, bahasa Melayu itu mesti menjadi tali pengikat kepada semua kaum dan kumpulan etnik dalam negara ini,” katanya.

Seterusnya Najib berharap penggunaan bahasa Melayu akan terus melambangkan jati diri bangsa termasuklah apa juga yang dilakukan dalam konteks kehidupan seharian.

Tegas beliau, adalah tidak wajar untuk menghakiskan cara penggunaan bahasa Melayu melalui pertuturan dan penulisan yang tidak betul serta dari segi tatacara terutama melalui media-media sosial.

“Apabila kita gunakan media

sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan khidmat pesanan ringkas (SMS), perlu dilihat bagaimana penggunaannya dibuat ada yang secara tunggang langgang atau hentam keromo sahaja.

“Bahasa media sosial ini akan menghakiskan kedudukan bahasa Melayu terutama daripada segi penguasaannya dan tatacara dengan tepat dan betul. Saya harap kita jangan cenderung untuk menggunakan bahasa mengikut trend,” katanya.

Sehubungan itu, Najib memberi pujian kepada usaha Kementerian Pendidikan Tinggi yang mewajibkan pelajar antarabangsa di negara ini mempelajari dan mensyaratkan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib.

## info

### PEMENANG PERTANDINGAN AKHIR PABM PIALA PERDANA MENTERI 2017

#### ► Kategori Antarabangsa:

- 1) Lisa Shamazaki (Jepun)
- 2) Ma Xiao (China)
- 3) Rimajon Sotlikova (Uzbekistan)

#### ► Kategori Alam Melayu:

- 1) Noor Haqim Noor Hamiddon (Malaysia)
- 2) Ahmad Aidil Hadri Sa'dullah (Singapura)
- 3) Muhamad Sharulnizam Md. Roni (Malaysia)

#### ► Kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia:

- 1) Abdul Martin (UIAM - Afghanistan)
- 2) Abdulrahman Khaled Hasan Saeed (UTP-Yaman)
- 3) Hassan Radwan Jamal Elatrash (UIAM-Palestin)

#### HADIAH:

- **Johan setiap kategori:** Piala Perdana Menteri, piala iringan, wang tunai RM20,000, hadiah iringan dan sijil
- **Naib johan:** Piala iringan, wang tunai RM12,000, hadiah iringan dan sijil
- **Tempat ketiga:** Piala iringan, wang tunai RM8,000, hadiah iringan dan sijil.